
Nestlé Teruskan Momentum Pertumbuhan Kukuh Pada Separuh Pertama

Catatkan Hasil & Keuntungan Lebih Tinggi

SOROTAN PENTING

- Prestasi kukuh dicatatkan pada separuh pertama tahun 2016, dengan hasil dan untung lebih tinggi.
- Peneraju utama ialah jualan domestik lebih tinggi hasil kejayaan pelancaran produk baru, promosi pengguna, serta pertumbuhan dua angka dalam perniagaan eksport.
- Untung operasi meningkat sebanyak 23.5% kepada RM516 juta pada separuh pertama tahun 2016 berbanding tempoh yang sama tahun lepas kerana harga bahan mentah lebih menggalakkan dan tahap kecekapan lebih tinggi.
- Mengisytiharkan dividen interim bersih RM0.70 sesaham.

PETALING JAYA, 22 Ogos 2016 – Nestlé (Malaysia) Berhad mencatatkan prestasi kukuh bagi tempoh enam bulan pertama tahun kewangan berakhir 30 Jun 2016, walaupun dalam persekitaran perniagaan yang mencabar. Kumpulan mencatatkan perolehan RM2.6 bilion, iaitu peningkatan 5.4% daripada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Tinjauan prestasi: Tahun Sehingga Kini, 2016 Berbanding Tahun Sehingga Tarikh Sama, 2015

Bagi separuh pertama berakhir 30 Jun 2016, Kumpulan mencatatkan untung operasi lebih tinggi sebanyak RM516 juta, iaitu peningkatan 23.5% berbanding RM418 juta untuk tempoh yang sama tahun lepas. Ini dicapai berasaskan perolehan RM2.6 bilion, yang naik 5.4% berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

En Alois Hofbauer, Pengarah Urusan, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, “Keputusan ini jelas menunjukkan asas kukuh Kumpulan, yang telah membolehkan kami mencatatkan pertumbuhan secara konsisten walaupun dalam suasana yang mencabar. Peneraju utama bagi prestasi lebih baik ini ialah jualan domestik lebih tinggi, terutamanya disebabkan kejayaan pelancaran produk baru dan promosi pengguna. Kami juga terus mencapai kemajuan dalam perniagaan eksport kami, yang mencatatkan pertumbuhan dua angka dan menyumbang kepada keputusan kukuh Kumpulan.”

Trend harga bahan mentah yang lebih menggalakkan dan juga program kecekapan berterusan juga menyumbang kepada perkembangan positif Kumpulan. “Kami sentiasa memberi tumpuan pertama sekali untuk meningkatkan kecekapan dalam seluruh rangkaian bekalan untuk memastikan harga kami stabil untuk pengguna Malaysia. Penjimatan daripada operasi yang lebih efisien ini dilaburkan semula untuk menerajui pertumbuhan perniagaan,” kata En. Hofbauer.

“Inovasi terus menjadi tunggak strategi pertumbuhan kami. Kami melancarkan beberapa produk baru pada tahun ini, yang terus menyokong pertumbuhan perniagaan domestik. Ini termasuk produk baru bahagian perniagaan utama, NESTLÉ OMEGA PLUS MILK with Oats, NESCAFÉ Latte, MAGGI Royale, dan penambahan produk baru dalam rangkaian aiskrim kami; Nestlé Aiskrim Tradisi POTONG,” tambahnya.

Dengan kadar cukai efektif lebih rendah, untung selepas cukai bagi enam bulan pertama meningkat sebanyak 31.3% kepada RM409 juta, berbanding dengan RM312 juta pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Sebagai sebahagian daripada komitmen Kumpulan untuk meningkatkan nilai bagi pemegang saham, Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen interim bersih RM0.70 sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Tinjauan prestasi: Suku 2, 2016 berbanding Suku 2, 2015

Kumpulan mencatatkan prestasi lebih memberangsangkan bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2016, dengan perolehan lebih tinggi berjumlah RM1.24 billion, peningkatan 8.2% berbanding RM1.14 billion pada suku yang sama tahun lepas.

En. Hofbauer mengulas, “Kedua-dua perniagaan tempatan dan eksport menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan ini. Dalam perniagaan domestik, prestasi ini dipacu oleh promosi pemasaran kukuh dan pelancaran produk baru, yang menyaksikan Kumpulan terus mengukuhkan kedudukan bahagian pasarannya dalam kategori produk utama.”

Dari sudut untung, untung kasar meningkat kepada RM527 juta, kenaikan 18% berbanding RM446 juta pada suku tahun yang sama tahun lepas. Faktor utama yang mendorong peningkatan ini ialah perolehan lebih tinggi, trend harga lebih menggalakkan bagi bahan mentah dan kecekapan lebih tinggi bagi kilang dan juga bagi seluruh rantai bekalan. Untung bersih naik 52% kepada RM189 juta, juga disebabkan kadar cukai efektif yang lebih rendah.

Prospek

En. Hofbauer menambah, “Kami meramalkan bahawa separuh kedua tahun 2016 masih sukar, memandangkan keadaan pasaran yang kurang menentu, persaingan lebih sengit dan ketidakpastian ekonomi global. Walaupun menghadapi persekitaran seperti ini, kami yakin bahawa kami cukup bersedia berasaskan rangka kerja operasi kami yang kukuh, jenama hebat dan kakitangan yang berwibawa.”

“Kami komited mengambil pendekatan perniagaan seimbang terhadap pengurusan kos yang cekap dan memberi tumpuan meningkatkan kecekapan dan produktiviti untuk mengekalkan kestabilan harga bagi pengguna terutamanya dalam suasana sukar,” katanya.

“Falsafah “Doing Well, by Doing Good” (Mencapai Kejayaan dengan Melakukan Sesuatu Yang Bermakna) kami adalah sejajar dengan prinsip “Menjana Nilai Bersama” dan telah menjadi tunggak kejayaan jangka panjang kami sebagai Syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang utama di Malaysia. Nilai-nilai ini akan

terus menerajui strategi kami pada masa depan untuk mencapai pertumbuhan lestari,”
rumus En. Hofbauer.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé yang merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia serta merupakan peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, beribu pejabat di Vevey, Switzerland. Sejak tahun 1866, Nestlé komited untuk menawarkan produk bermutu tinggi, lazat, selamat dan berkhasiat kepada para pengguna kami, sejajar dengan janji *Good Food, Good Life* kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak tahun 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna menerusi jenama dan produk berkualiti kami, serta komitmen untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi. Di Nestlé, para pengguna kami merupakan nadi dalam segala yang kami lakukan. Kami memberi nikmat kepada para pengguna melalui tawaran produk yang mempunyai kualiti yang terbaik; sejajar dengan asal-usul kami di Switzerland sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk maklumat lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185

+6012-353 1337

E-mel: Maxine.Lim@my.Nestle.com

Joanne Lim atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

+6012-304 7604 (Joanne) atau

+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my